

**SOALAN NO: 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHDAYA**

**TARIKH: 22 MAC 2018**

**SOALAN:**

**Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [ Tasek Gelugor ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah perancangan strategik Kementerian dalam mengatasi masalah pengangguran melalui revolusi industri 4.0 yang dijangka akan merubah masa depan dunia pekerjaan serta keseimbangan perolehan dan agihan pendapatan.**

**PR-1361-L04250**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Industri 4.0 dijangka akan memberi kesan yang sangat signifikan kepada pasaran buruh dan pekerjaan seperti pewujudan dan penghapusan pekerjaan (*job displacement*), peningkatan produktiviti buruh dan jurang kemahiran yang semakin meluas. Oleh itu, modal insan negara perlu mempunyai kemahiran yang relevan dan sentiasa memenuhi keperluan pasaran dan ekonomi negara yang dinamik. Dalam hal ini Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah diberikan peranan bagi menerajui Jawatankuasa *Talent and Human Capital* bagi Industri 4.0.
2. Lantaran itu, pelbagai usaha dilaksanakan oleh KSM dalam memperkuuh kompetensi sumber manusia dalam menghadapi Industri 4.0 melalui Jabatan dan Agensi dibawahnya. Program *upskilling* dan *reskilling* disediakan kepada golongan pekerja bagi mempertingkatkan kemajuan kendiri dalam menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan (*future jobs*) serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik.
3. KSM melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), telah membangunkan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) bagi 29 sektor pekerjaan dan telah menjadi rujukan dalam pembangunan

program latihan di institusi-institusi latihan awam serta swasta mengikut tahap kemahiran yang diperlukan. NOSS yang dibangunkan akan dipantau secara bersama dengan *Industry Lead Body* (ILB) mengikut keperluan industri dan teknologi terkini.

4. KSM juga sedang merangka satu kajian berkaitan Pelan Induk TVET yang merangkumi keperluan TVET bagi menghadapi Industri 4.0. Dalam usaha untuk memperkasa kualiti dan penyampaian TVET selari dengan Industri 4.0, kajian ini akan menyentuh aspek penstrukturran semula kurikulum, menaik taraf fasiliti dan kemudahan latihan, pembangunan profesional tenaga pengajar serta perkara-perkara lain yang berkaitan.
5. Kesimpulannya, KSM menyokong sepenuhnya usaha Kerajaan dalam merangka dasar nasional dan pelan tindakan berkaitan Industri 4.0 yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi mencapai matlamat untuk melahirkan lebih ramai generasi muda yang mempunyai kemahiran teknikal sekali gus memenuhi keperluan modal insan Industri 4.0.